

Tingkatkan produktiviti: PM

Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengusaha industri tempatan meningkatkan produktiviti serta mutu pengeluaran tanpa menggunakan ramai pekerja supaya menghasilkan pulangan lebih baik.

Menurut Perdana Menteri, pengusaha industri seharusnya menggerakkan pekerja secara maksimum selain menggunakan sistem automasi dan robot dalam proses meningkatkan pengeluaran.

Cara itu, katanya, bukan saja memberi keuntungan lebih baik kepada industri berkenaan, tetapi menyumbang kepada proses menggerakkan ekonomi negara. Penggunaan automasi dan robot turut membantu menyelesaikan masalah kekurangan pekerja sesebuah industri.

Sehubungan itu, beliau berharap semua industri tempatan yang terbabit dalam bidang pengeluaran di negara ini memberi perhatian terhadap per-

kara ini bagi manfaat yang menyeluruh.

"Saya mahu melihat perkara ini ditekankan sebagai fokus anugerah kecemerlangan industri pada masa depan supaya industri tempatan digalakkan meningkatkan produktiviti berdasarkan tenaga kerja yang terhad," katanya ketika berucap di majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri 1994, di sini hari ini.

Di majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan trofi dan sijil penghargaan kepada 16 industri yang memenangi empat anugerah - Kecemerlangan Keluaran, Kecemerlangan Eksport, Eksport Perkhidmatan dan Pengurusan Kualiti.

Hadir sama ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Pengerusi Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri, Tan Sri Basir Ismail.

Perdana Menteri berharap lebih ramai graduan bidang perniagaan menyumbang kepakaran dana kemahiran mereka dalam pengurusan perniagaan di negara ini.

Ketika ini, katanya, hasil pengeluaran industri tempatan memang baik dari segi kualiti sehingga membolehkan ke- luaran berkenaan menembusi pasaran eksport negara maju.

Menurutnya, dalam tempoh tiga tahun lalu, sektor eksport negara mencatat pertumbuhan sekitar 13 peratus manakala sepanjang enam bulan pertama tahun ini prestasinya lebih menggalakkan iaitu 30 peratus.

Pada masa yang sama, Malaysia turut mencatat pertumbuhan import dan ini berjaya menyeimbangkan dagangan negara.

Dr Mahathir bagaimanapun membidas laporan akhbar Financial Times, semalam yang menyebut kononnya ekonomi negara ini akan

runtuh dan beliau berharap tiada pihak terpedaya dengan laporan berkenaan.

Beliau berkata, ramalan media Barat bahawa ekonomi negara akan mengalami keruntuhan dibuat sejak beberapa tahun lalu dan sehingga kini ternyata tidak benar. Apa yang nyata, sehingga kini ekonomi negara terus kukuh.

Perdana Menteri yakin pengusaha industri, masyarakat peniaga dan usahawan tempatan tidak terpengaruh dengan laporan akhbar berkenaan.

Beliau turut menyarankan pengusaha industri dan usahawan tempatan mencontohi falsafah kehidupan masyarakat Jepun iaitu Kaizan yang menekankan soal peningkatan kualiti secara berterusan.

Menurutnya, falsafah itu yang membabitkan perubahan radikal bagi meningkatkan produktiviti sesuai bagi meningkatkan mutu produk.